



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

بهاگين حال ايهور اكاڊميك
BAHAGIAN HAL EHWAL
AKADEMIK



BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM SARJANA MUDA AMBILAN SESI 2 2023/2024





SENARAI SEMAK

Untuk memudahkan urusan pendaftaran kemasukan saudara/i, sila **pastikan** bahawa perkara-perkara berikut telah dilakukan (tandakan [/] pada ruangan yang disediakan):

1. Menyemak status tawaran saudara/i di pautan https://kemasukan.upsi.edu.my/?page_id=292
2. Membuat **setuju terima/menolak penawaran**.
3. Memilih sah dan terima **Aku Janji Pelajar (Online)**
4. Memuat turun serta mencetak Surat Tawaran Kemasukan untuk simpanan dan perlu dibawa pada hari pendaftaran.
* Surat tawaran kemasukan (online) ini adalah surat tawaran asal dan hanya dikeluarkan sekali sahaja. Sila pastikan saudara/i membuat salinan yang secukupnya.
5. Memuat turun dan mencetak dokumen berikut dari laman sesawang kemasukan UPSI untuk panduan dan rujukan sepanjang pengajian di UPSI
 - a. Panduan Pengguna MyUPSI Portal
 - b. Panduan Pembayaran Yuran Pengajian
 - c. Yuran Pengajian
 - d. Panduan Memuat Naik Gambar
 - e. Keperluan-keperluan seperti dalam nota makluman Permohonan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
 - f. Program UPSI Student Go Global
 - g. Panduan Melengkapkan Borang Pemeriksaan Kesihatan
6. Memuat turun dan melengkapkan borang- borang berikut:
 - a. Borang Pengesahan Pendapatan (B5)
 - b. Borang Perakuan Pelepasan Tuntutan Penempatan (**untuk pelajar Sarjana Muda Pendidikan sahaja**)
 - c. Borang Pemeriksaan Kesihatan
 - d. Borang Permohonan Penginapan Kolej Kediaman
7. Membuat bayaran yuran pengajian menggunakan kaedah portal pembayaran online ePayment@UPSI atau JomPay mulai **20 Februari 2024 (Selasa)**. Manakala pembayaran di Cawangan Bank Islam di seluruh Malaysia hanya boleh dibuat mulai **21 Februari 2024 (Rabu)** sehingga **15 Mac 2024 (Jumaat)**.
8. Memuat naik gambar berukuran paspot ke <http://umpc.upsi.edu.my> untuk urusan kad matrik/kad pelajar mulai **16 FEBRUARI 2024** dan selewat-lewatnya pada **11 MAC 2024**.
9. Memuat naik satu salinan dokumen yang diperlukan ke URL ini <https://medsi.upsi.edu.my/evaultonline/> sebelum mendaftar pada hari pendaftaran di UPSI.
10. Menyemak dan mencetak Slip Jadual Kuliah bermula **24 Mac 2024 (Sabtu)** di MyUPSI Portal.



MAKLUMAN

1. Tukar Program Pengajian

Program yang ditawarkan adalah muktamad DAN berdasarkan kepada kelayakan yang anda miliki. Jika ditawarkan program bukan dalam pilihan, ia adalah berdasarkan persetujuan anda untuk menerima apa-apa program selain dalam pilihan semasa permohonan online. Pertukaran program adalah TIDAK DIBENARKAN. Jika anda tidak bersetuju dengan program yang ditawarkan, anda dibolehkan menolak tawaran ini. Penolakan program tidak akan disenaraihitamkan.

2. Daftar Lewat

Tidak dibenarkan kecuali kes-kes tertentu (Sakit/Kematian)

3. Tangguh Kemasukan Semester

Tidak dibenarkan kecuali kes-kes tertentu seperti kematian.

4. Ujian DASS21

Sila membuat Ujian Saringan Kesihatan Mental iaitu DASS21 dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti maklumat berikut:

Tarikh Ujian : **16 FEBRUARI 2024 - 25 MAC 2024**


Pautan Ujian DASS21 : <https://forms.gle/c71yG2pYTtRHZ8W37>

5. Pelekat Kenderaan

Sila muat turun pelekat kenderaan mengikut sesi anda mendaftar (Sesi mendaftar rujuk surat tawaran online) untuk membolehkan kenderaan anda memasuki tempat pendaftaran. Sila hadir mengikut sesi yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kesesakan (rujuk surat tawaran).

6. Maklumat Penting

Kesesakan kenderaan ibu bapa/pelajar baharu di tempat pendaftaran akan berlaku kerana jumlah kemasukan yang ramai. Kawasan parkir kenderaan di kolej kediaman juga amat terhad. Berkongsi kenderaan untuk datang mendaftar amat digalakkan. Kesabaran dan kerjasama daripada pihak tuan/puan amat dihargai.





SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN




Don't forget!

Tempoh pengesahan
menerima tawaran/
menolak tawaran sehingga
25 Februari 2024 (Ahad)
sahaja!!!!

1. Syarat Penerimaan Masuk

Tawaran masuk ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 1.1 Menjelaskan bayaran-bayaran seperti dinyatakan dalam tawaran kemasukan.
- 1.2 Anda mesti mengesahkan penerimaan tawaran ini dengan segera melalui laman web <https://medsi.upsi.edu.my/ugacad/>. Sekiranya Universiti tidak menerima pengesahan daripada anda akan dianggap menolak tawaran dan seterusnya tawaran ini luput dengan sendirinya dan tempat anda akan ditawarkan kepada calon lain. **KAMI TIDAK AKAN MENGHANTAR PERINGATAN SECARA POS.**
- 1.3 **WAJIB** menjalani pemeriksaan kesihatan di **Pusat Kesihatan Universiti**, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- 1.4 Universiti berhak mendapatkan pendapat kedua (*second opinion*) untuk memastikan sama ada anda benar-benar sihat untuk belajar.
- 1.5 Tawaran ini **terbatal** sekiranya :
 - 1.5.1 anda adalah seorang Pegawai Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
 - 1.5.2 anda adalah seorang penuntut yang sedang mengikuti pengajian di maktab-maktab perguruan atau institusi-institusi pendidikan tinggi dalam atau luar negara atau sedang mengikuti program pendidikan jarak jauh atau seumpamanya di institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan.
 - 1.5.3 anda gagal melaporkan diri, walaupun anda telah mengesahkan penerimaan tawaran ini, kecuali kebenaran untuk mendaftar lewat setelah mendapat keizinan daripada pihak UPSI.
- 1.6 UPSI berhak menarik balik tawaran ini pada bila-bila masa atau ditamatkan pengajian anda pada mana-mana peringkat tempoh pengajian apabila didapati kenyataan dan maklumat yang anda berikan adalah tidak benar.





SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN

2. Etika Pelajar

Sepanjang tempoh pengajian, anda dikehendaki:

- 2.1 mematuhi undang-undang negara dan undang-undang Universiti iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012), Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah dan Peraturan dan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa Universiti dari semasa ke semasa;
- 2.2 sentiasa memelihara nama baik Universiti dan menjaga harta serta kemudahan-kemudahan perkhidmatannya dari dirosakkan oleh sesiapa juga;
- 2.3 tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang menghalang perjalanan dan urusan Universiti seperti memulaukan kuliah dan sebagainya atau melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan nama baik Universiti;
- 2.4 menghormati para pegawai dan pensyarah Universiti;
- 2.5 bekerjasama dengan Pengetua–Pengetua Kolej Kediaman dan patuh kepada peraturan-peraturan Kolej Kediaman sama ada anda penghuni atau tidak;
- 2.6 mengambil bahagian dalam semua kegiatan akademik, kebudayaan, sukan serta khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh Universiti untuk anda; dan
- 2.7 menjelaskan semua yuran yang dikenakan pada tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.

3. Peraturan Pakaian


Sepanjang tempoh pengajian, anda dikehendaki mematuhi Peraturan Pakaian yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Etika Berpakaian dan Sahsiah Rupadiri Pelajar) 2014.

4. Program Yang Ditawarkan

Program yang ditawarkan kepada anda adalah muktamad berdasarkan kepada kelayakan yang anda miliki dan anda tidak dibenarkan menukar program pengajian. Anda juga tidak dibenarkan menanggung kemasukan ke UPSI. Menanggung kemasukan akan dianggap menolak tawaran.

5. Kuliah

Kuliah akan bermula pada 25 Mac 2024 (Isnin) iaitu satu (1) minggu selepas minggu suai kenal berlangsung tetapi anda dikehendaki mendaftarkan diri lebih awal seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran. Sila pastikan anda mencetak slip Pendaftaran Kursus & Jadual Kuliah yang akan dipaparkan di MyUPSI Portal masing-masing bermula pada 24 Mac 2024 (Sabtu).




SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN

6. Panduan Capaian Sistem Maklumat Bersepadu Universiti (SMBU) & Emel Pelajar

i. SMBU boleh dicapai menerusi gerbang di <http://login.upsi.edu.my/>.

ii. Senarai aplikasi pelajar adalah seperti berikut:



iii. Pelajar boleh mengakses SMBU (eMySIS, Portal MyUPSI, Portal LMS MyGuru) menggunakan satu (1) akaun pengguna dengan panduan seperti berikut :

KATA NAMA : No. Matrik

Contoh : Bagi No. Matrik **D20021012345**

KATA LALUAN : <Nombor Kad Pengenalan tanpa '-' ATAU nombor pasport> bagi login kali pertama

Contoh : **770707077777** atau **WR120345**

iv. Pelajar disediakan akaun emel rasmi sepanjang pengajian di UPSI

KATA NAMA : <Id Portal MyUPSI Portal>@siswa.upsi.edu.my


Contoh : D012345@siswa.upsi.edu.my

KATA LALUAN : Kata laluan emel default boleh disemak melalui Portal MyUPSI

Sebarang masalah berkaitan emel, boleh dikemukakan melalui emel ke support@siswa.upsi.edu.my

v. Sistem Pengurusan Kata laluan

Pelajar boleh mengemaskini dan reset kata laluan bagi akaun SMBU masing-masing secara sendiri.



PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI

1. Pemeriksaan Kesihatan

Saudara/i **WAJIB** membuat pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan UPSI. Borang ini **WAJIB** dihantar pada hari pendaftaran di **Kaunter Pusat Kesihatan**. Pusat Kesihatan akan menetapkan tarikh pemeriksaan kesihatan di UPSI dan sila lihat di tarikh jemu janji di MyUPSI Portal masing-masing selepas mendaftar di UPSI.

2. Bayaran Yuran Pendaftaran

2.1 Saudara/i **WAJIB** menjelaskan bayaran yuran pengajian sebelum mendaftar. Pembayaran secara online boleh dibuat melalui portal pembayaran ePayment@UPSI atau JomPay mulai 12 September 2023 (Selasa). Perincian dan kaedah lain pembayaran yuran adalah seperti di Lampiran A atau pautan <http://bit.ly/upsipay>.

2.2 Saudara/i juga boleh membuat bayaran yuran di mana-mana cawangan **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** yang berdekatan dengan mengemukakan **kad pengenalan** dan **surat tawaran kemasukan online** mulai **21 FEBRUARI 2024 - 15 MAC 2024**.

2.3 Sekiranya saudara/i menghadapi sebarang masalah mengenai pembayaran, sila hubungi **Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari** di talian **05- 450 7761 / 7738 / 7733 / 7744** atau **e-melkan ke ukpk@bendahari.upsi.edu.my**.

2.4 Jika saudara/i ingin menarik diri dari pengajian. Berikut adalah **kadar bayaran balik yuran** berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke 125 Bil. 5/2019 bertarikh 27 September 2019

Tempoh/ Perkara	Kadar Bayaran	Catatan
<ul style="list-style-type: none"> Menolak Tawaran / Menarik Diri/ Berhenti/Diberhentikan /Gugur status/ dan Tidak Mendaftar 	<ul style="list-style-type: none"> Keseluruhan yuran yang dibayar 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Memo / Surat Pengesahan atau Surat Kelulusan Menarik Diri / Berhenti / Diberhentikan / Gugur Status oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah
<ul style="list-style-type: none"> Minggu Orientasi (Pelajar baru) 	<ul style="list-style-type: none"> 100% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh bayaran balik yuran adalah berdasarkan tarikh permohonan menarik diri Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Surat Kelulusan Menarik Diri / Berhenti / Diberhentikan / Gugur Status oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.
<ul style="list-style-type: none"> Tidak lebih 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester 	<ul style="list-style-type: none"> 50% yuran-yuran kecuali:- <ul style="list-style-type: none"> yuran pendaftaran pemeriksaan kesihatan yuran pengurusan antarabangsa yuran insurans yuran-yuran yang memberi implikasi kewangan kepada universiti 	
<ul style="list-style-type: none"> Selepas 4 minggu (28 hari) daritarikh permulaan semester 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada bayaran balik 	




PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI

3. Pembukaan Akaun Bank

- Pelajar UPSI adalah WAJIB mempunyai akaun simpanan bank RHB.
- UPSI akan membukakan akaun simpanan bank RHB bagi pihak pelajar.
- Pelajar boleh menggunakan akaun bank RHB tersebut untuk permohonan PTPTN /tajaan lain.
- Pelajar akan menerima makluman pembukaan akaun bank dari RHB melalui SMS dan e-mel.
- Maklumat nombor akaun bank boleh disemak di portal UniSIS dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendaftaran.
- Pelajar perlu mengaktifkan akaun RHB yang dibukakan, semasa sesi penyerahan kad matrik (kad debit RHB) bagi mengesahkan pemilik akaun bank.

4. Bantuan Kewangan / Pinjaman Kewangan

- Saudara/i boleh memohon bantuan kewangan daripada agensi atau pertubuhan lain seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Yayasan-yayasan Negeri, Bank atau Institusi Kewangan, kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya.
- Borang Pengesahan pembayaran yuran bagi permohonan mengeluarkan wang melalui Skim Pengeluaran Pendidikan KWSP boleh didapati dengan e-melkan permohonan surat pengesahan KWSP ke ukpk@bendahari.upsi.edu.my. Panduan permohonan boleh dirujuk dipautan ini <http://bit.ly/suratupsi>.
- Walau bagaimanapun borang bagi pengeluaran wang KWSP hanya boleh didapati di cawangan-cawangan KWSP sahaja.
- Untuk maklumat lanjut berkenaan pengeluaran KWSP, saudara/i boleh merujuk kepada Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari dan Unit Kewangan dan Kebajikan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar bagi bantuan kewangan.
- Tarikh tutup Permohonan Pinjaman Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN) adalah pada :
Kelompok 1 : 1 hingga 29 Februari 2024
Kelompok 2 : 1 hingga 31 Mac 2024





PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI

5. Persediaan Pakaian dan Keperluan Lain

Saudara/i dikehendaki membawa pakaian dan keperluan berikut:

- Pakaian semasa melapor diri (Rujuk Peraturan-Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Etika Berpakaian Dan Sahsiah Rupadiri Pelajar) 2014)

Lelaki : berpakaian kemas dengan Baju Kemeja berseluar Slack hitam (**baju T, jeans, selipar/‘sandal’ tidak dibenarkan**)

Perempuan : berpakaian kemas dan sopan mengikut etika pakaian yang telah ditetapkan (**baju T, jeans, selipar/‘sandal’ tidak dibenarkan**)

- Pakaian kuliah/tutorial dan urusan rasmi universiti (mengikut Kod Etika Pakaian Universiti)

Lelaki : pakaian pejabat/bertali leher

Perempuan : pakaian kemas dan sopan seperti Etika Berpakaian Dan Sahsiah Rupadiri Pelajar 2014



PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI

6. Pakaian semasa membaca ikrar

Saudara/i **WAJIB** membawa & memakai pakaian yang telah ditetapkan oleh Universiti semasa membaca ikrar (disediakan sendiri oleh pelajar).



Lelaki (Muslim/ Bukan Muslim)

- Baju kemeja putih berlejang panjang dan berseluar 'slack' hitam
- Tali leher
- Stoking hitam
- Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan/sandal)

Perempuan (Muslim)

- Baju kurung berwarna putih dan tudung berwarna putih
- Berkain hitam labuh untuk dipakai bersama baju kurung
- Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan) yang menutup jari dan lereng kaki dan tumit

Perempuan (Bukan Muslim)

- Baju kurung berwarna putih
- Berkain hitam labuh untuk dipakai bersama baju kurung
- Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan) yang menutup jari dan lereng kaki dan tumit




PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI


7. Sijil dan Salinan Sijil

Saudara/i **diWAJIBKAN** membawa sijil-sijil asal dan salinan sijil-sijil akademik/dokumen lain yang telah disahkan, hanya sijil-sijil/dokumen yang disahkan sahaja diterima untuk urusan pendaftaran. Sila **UPLOAD SATU SALINAN SAHAJA** sijil-sijil berikut ke dalam URL <https://medsi.upsi.edu.my/evaultonline/>



* SEMUA SALINAN MESTILAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KUMPULAN A (PEGAWAI KERAJAAN YANG MEMPUNYAI IJAZAH)


DOKUMEN	TINDAKAN
<ul style="list-style-type: none"> i. 1 Salinan Kad Pengenalan (dipalang disudut atas kiri) <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;">  </div> <ul style="list-style-type: none"> ii. 1 Salinan kad OKU (jika berkenaan) iii. 1 Salinan Surat Beranak/Sijil Lahir iv. 1 Salinan Surat Tawaran v. 1 Salinan Sijil SPM vi. 1 Salinan Sijil STPM/STAM/Diploma dan Transkrip /Matrikulasi/Asasi vii. 1 Salinan Sijil MUET viii. Borang Perakuan Pelepasan Tuntutan Penempatan ix. Borang Pengesahan Pendapatan 	<p>Saudara/i dikehendaki :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Muat Naik (<i>Upload</i>) kesemua dokumen di sebelah di URL https://medsi.upsi.edu.my/evaultonline/ 2. Mohon imbas salinan dokumen berkenaan dalam bentuk PDF sahaja. 3. Sila muat naik (<i>upload</i>) salinan dokumen berkenaan sebelum mendaftar pada hari pendaftaran di UPSI. <p>* Semua salinan mestilah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A (Pegawai Kerajaan yang mempunyai Ijazah) sebelum diimbas dan dimuatnaik ke dalam sistem disediakan.</p>



PANDUAN KE TANJONG MALIM

- Bagi saudara/i yang tiba dengan penerbangan, bolehlah datang ke Kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan menaiki teksi atau bas dari Lapangan Terbang. Kadar tambang teksi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang adalah dalam anggaran RM140.00 dan ke atas.
- Bagi saudara/i yang datang dari arah utara, selatan dan timur boleh menggunakan sama ada jalan biasa atau Lebuhraya PLUS dan keluar di persimpangan Tol Tanjong Malim. Jarak Kampus dari Tol Tanjong Malim ialah lebih kurang 15 km.
- Bagi saudara/i yang datang dengan keretapi, jarak perjalanan dari stesen keretapi ke kampus hampir lima kilometer (10 km). Sila lihat peta panduan yang disertakan.

LOKASI PENDAFTARAN (KOMPLEKS AKADEMIK, UPSI)





PERTANYAAN

- Sekiranya saudara/i mempunyai kemusykilan mengenai tawaran ini sila hubungi:

Pejabat	Perkara	No.Telefon
Bahagian Hal Ehwal Akademik	- Surat Tawaran - Tarikh Lapor Diri - Jadual Kuliah	015-48797982/ 7872/ 0134153016 015-48797985/ 7875/ 0134623026
Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP)	PTPTN	015-48797149
	Minggu Orientasi Pelajar	015-48797831/ 7832/ 7837
	Pemeriksaan Kesihatan	05- 4506668/ 6672
Bendahari	-Yuran -Pembayaran Yuran -Pembukaan Akaun BIMB -Pengeluaran KWSP	05 – 450 7761 / 7744 / 7733 / 7755/ 7738/ 7762
Pusat ICT	Muatnaik Gambar	015-48797029

